

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN WONG SHU QI (KLUANG)**

**TARIKH : 15 DISEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN WONG SHU QI [KLUANG]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan menjelaskan apa rancangan jangka masa pendek dan panjang untuk mengurangkan kepadatan banduan di semua penjara untuk membendung penularan penyakit berjangkit.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menangani masalah kesesakan atau kepadatan penghuni di dalam penjara, Jabatan Penjara Malaysia bukan sahaja telah mengambil pendekatan pembinaan blok tambahan di beberapa institusi penjara sedia ada malah beberapa langkah proaktif turut diambil untuk menangani masalah kesesakan serta membendung penularan penyakit-berjangkit. Antaranya adalah:

- i. Mempergiatkan pelaksanaan Sistem Parol, Perintah Kehadiran Wajib dan Pusat Pemulihan Pemasarakatan yang mana sehingga kini telah melibatkan seramai 56,247 orang yang telah dan sedang menjalani pemulihan di luar penjara;
- ii. Jabatan Penjara Malaysia juga telah mula melaksanakan ketetapan berasaskan pindaan kepada Peraturan 111(1), Peraturan-Peraturan Penjara 2000 melalui program Pelepasan Banduan Secara Lesen (PBSL) untuk banduan yang mana hukumannya kurang dari setahun. Melalui program tersebut, banduan yang memenuhi syarat pemilihan boleh mengikuti program seperti program latihan pekerjaan di sektor perkilangan, pembuatan, pembinaan, perkhidmatan dan pertanian. Lembaga Pembebasan Banduan Secara Lesen yang ditubuhkan oleh Jabatan Penjara Malaysia, telah melibatkan keahlian daripada pihak luar selain daripada penglibatan pihak Jabatan Penjara Malaysia. Melalui mesyuarat pertamanya pada awal Oktober 2020, Lembaga PBSL telah menilai laporan untuk 1,200 banduan yang layak dan telah mengesyorkan kepada Komisioner Jeneral Penjara sejumlah banduan yang wajar diberikan pelepasan banduan secara lesen. Pada ketika ini terdapat sekitar 11,000 banduan yang sedang menjalani hukuman pemenjaraan kurang dari setahun;
- iii. Memperkemaskan lagi latihan kemahiran vokasional, latihan bersijil serta sistem latihan pekerjaan di dalam penjara bagi membolehkan

## SOALAN NO : 10

banduan yang layak, dipertimbangkan untuk mengikuti program pekerjaan dan program Reintegrasi Penghuni Industri. Peluang pekerjaan adalah antara faktor utama yang mampu membendung pengulangan kes jenayah dan residivis;

- iv. Mengubahsuaikan penjara sedia ada bagi meningkatkan kapasiti;
- v. Menjalinkan kerjasama dengan pihak Mahkamah dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi mempercepatkan proses penghantaran pulang banduan warga asing yang telah selesai menjalani hukuman;
- vi. Meneliti keperluan pindaan perundangan berkaitan cadangan penyahjenayahan kesalahan penyalahgunaan dadah serta dasar pengalihan penyalahgunaan dadah dari hukuman penjara ke program rawatan dan pemulihan selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Penguatkuasaan Undang-undang pada 21 Julai 2020. Akta baharu yang dicadangkan dan akan dikenali sebagai Akta Penyalahgunaan Dadah dan *Substance* bagi menggantikan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 sedang diperhalusi. Cadangan pindaan ini mempunyai kaitan dengan statistik banduan sabitan di bawah Seksyen 15 (1) Akta Dadah Berbahaya 1952 berjumlah 4,075 banduan di seluruh penjara di Malaysia;
- vii. Menjadikan kem PLKN sebagai *admission prison* bagi penempatan banduan sabitan dan reman bagi kategori keselamatan minima; dan
- viii. Cadangan yang melibatkan *Probation* dan *Community Correction* yang melibatkan beberapa alternatif kepada hukuman pemenjaraan sedang dalam penilaian oleh Agensi yang berkaitan dengan perundangan. Jika dipersetujui tatacara pelaksanaan yang melibatkan syarat dan prosedur operasi standard (SOP) akan disediakan oleh Jabatan Penjara Malaysia.